



GARIS PANDUAN POTONGAN BAGI PERBELANJAAN BERHUBUNG DENGAN YURAN KESETIAUSAHAAN DAN YURAN PEMFAILAN CUKAI

1. PENGENALAN

- 1.1 Yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai merupakan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh pembayar cukai bagi mematuhi keperluan perundangan dalam menjalankan perniagaan. Kedua-dua yuran ini tidak diberi potongan dalam pengiraan cukai pendapatan kerana tidak menyumbang secara langsung dalam penghasilan pendapatan perniagaan.
- 1.2 Bagi membantu kelancaran pelaksanaan GST, meningkatkan pematuhan cukai dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan, pembayar cukai yang menjalankan perniagaan dan bermastautin di Malaysia layak diberi potongan bagi Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai setiap tahun taksiran seperti berikut:
- | | | |
|---------------------------|---|-------------------|
| i. yuran kesetiausahaan | - | sehingga RM5,000 |
| ii. yuran pemfailan cukai | - | sehingga RM10,000 |

2. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan untuk memberikan penjelasan mengenai layanan cukai bagi tuntutan perbelanjaan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai.

3. UNDANG-UNDANG

- 3.1 Peruntukan bagi potongan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai adalah di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014 [*P.U. (A) 336/2014*] (KKCP);

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

3.2 Seksyen 77, Seksyen 77A, Seksyen 77B, Seksyen 83, Seksyen 86, Seksyen 107C di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967; dan

2.3 Seksyen 41 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (ACBP) 2014.

4. LAYANAN CUKAI

4.1 Yuran kesetiausahaan

Perbelanjaan yuran kesetiausahaan yang layak kepada potongan adalah bayaran yuran kesetiausahaan syarikat yang dibayar kepada setiausaha syarikat berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965. Ia hendaklah berhubung dengan perkhidmatan kesetiausahaan untuk mematuhi kehendak statutori di bawah Akta Syarikat (AS) 1965.

Perbelanjaan yuran kesetiausahaan bagi suatu tahun taksiran layak mendapat potongan bagi tahun taksiran tersebut sekiranya dilakukan dan dibayar dalam tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan.

4.2 Tuntutan

4.2.1 Perbelanjaan yuran kesetiausahaan bagi memenuhi kehendak statutori di bawah AS 1965 yang layak diberikan potongan terdiri daripada perbelanjaan kesetiausahaan seperti khidmat nasihat berhubung mesyuarat syarikat, penyediaan resolusi pengarah, penerbitan saham, pengemukakan borang-borang yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan lain-lain berhubung hal-hal syarikat.

4.2.2 Yuran kesetiausahaan tidak termasuk perbelanjaan sampingan seperti *reimbursement/out of pocket expenses*, telefon dan faks, percetakan, perbelanjaan alat tulis, pos, perjalanan, penginapan dan perbelanjaan mesyuarat agong.

4.2.3 Perkataan “dilakukan dan dibayar” dalam KKCP bermaksud potongan hendaklah dituntut dalam tempoh asas tahun taksiran perbelanjaan tersebut dilakukan (*incurred*) dan dibayar (*paid*). Ini

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

bermakna konsep terakru (*incurred*) sahaja tidak mencukupi untuk membolehkan tuntutan potongan tetapi ia juga perlu dibayar dalam tempoh asas bagi tahun taksiran berkenaan.

- 4.2.4 Berbanding dengan piawaian perakaunan, sesuatu perbelanjaan boleh diiktiraf setelah wujudnya liabiliti dan boleh dicaj ke akaun untung rugi walaupun perbelanjaan tersebut belum dibayar.

Contoh 1

Perbelanjaan yang layak dilakukan untuk tuntutan berkaitan yuran kesetiausahaan

Syarikat Anggun Sdn Bhd (tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun) telah menerima inbois yuran kesetiausahaan daripada Bijak Secretarial Services Sdn Bhd (setiausaha syarikat berdaftar di bawah AS 1965) pada 1/6/2016 sebanyak RM1,000. Syarikat Anggun Sdn Bhd telah membuat bayaran pada 1/7/2016.

Layanan cukai:

Syarikat Anggun Sdn Bhd layak menuntut potongan atas yuran kesetiausahaan berjumlah RM1,000 bagi tahun taksiran 2016 disebabkan perbelanjaan tersebut dilakukan dan dibayar dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2016 [perenggan 2(1)(a) KKCP].

Contoh 2

Fakta kes sama seperti di atas hanya Anggun Sdn Bhd telah menerima inbois yuran kesetiausahaan daripada Bijak Secretarial Services Sdn Bhd (setiausaha syarikat berdaftar di bawah AS 1965) pada 30/11/2016 sebanyak RM1,000. Syarikat Anggun Sdn Bhd telah membuat bayaran pada 1/1/2017.

Layanan cukai:

Syarikat Anggun Sdn Bhd tidak layak menuntut potongan atas yuran kesetiausahaan berjumlah RM1,000 bagi tahun taksiran 2016 walaupun

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

perbelanjaan tersebut dilakukan (*incurred*) pada tahun taksiran 2016. Tuntutan hanya boleh diberi potongan dalam tahun taksiran 2017 setelah perbelanjaan tersebut dibayar (*paid*) dalam tahun berkenaan.

Contoh 3

Syarikat Kesuma Sdn Bhd (tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun) telah menerima inbois yuran kesetiausahaan daripada Precise Secretarial Services Sdn Bhd (setiausaha syarikat berdaftar di bawah AS 1965) pada 1/6/2016 sebanyak RM3,000 di mana RM1,500 adalah untuk tahun taksiran 2016 dan RM1,500 dibayar secara pendahuluan untuk tahun taksiran 2017. Syarikat Kesuma Sdn Bhd telah membuat bayaran pada 1/7/2016.

Layanan cukai:

Bagi bayaran RM1,500 pendahuluan yuran kesetiausahaan untuk tahun taksiran 2017 yang dibuat dalam tahun taksiran 2016, syarikat Kesuma Sdn Bhd hanya layak menuntut potongan tersebut dalam tahun taksiran 2017 kerana perbelanjaan tersebut adalah untuk perkhidmatan yang akan dilakukan dalam tahun taksiran tersebut.

4.3 Yuran Pemfailan Cukai

4.3.1 Perbelanjaan yuran pemfailan cukai berhubung dengan anggaran cukai dan bayaran ansuran di bawah seksyen 107C ACP 1967 seperti Borang CP204, CP204A dan CP204B layak dituntut mulai tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya. Dalam kes di mana bayaran yuran pemfailan cukai adalah bagi tahun taksiran 2016 dan perbelanjaan yuran pemfailan cukai bagi tahun taksiran 2016 tersebut dilakukan dan dibayar dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2015, maka potongan layak dituntut dalam tahun taksiran 2015.

4.3.2 Perbelanjaan yuran pemfailan cukai iaitu borang GST-03 bagi tempoh bercukai bulan Disember 2015 layak mendapat potongan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

di bawah KKCP bagi tahun taksiran 2016 sekiranya dilakukan dan dibayar dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2016.

- 4.3.3 Perbelanjaan yuran pemfailan hendaklah khusus untuk pemfailan borang-borang cukai sahaja tidak termasuk khidmat nasihat agen cukai atau pengiraan cukai syarikat. Perbelanjaan sampingan seperti *reimbursement/out of pocket expenses* seperti telefon dan faks, percetakan, perbelanjaan alat tulis, pos, perjalanan dan penginapan tidak layak diberi potongan.

Contoh 4

Perbelanjaan yang layak dilakukan untuk tuntutan yuran pemfailan cukai

Pada 1/9/2016, Syarikat Anggun Sdn Bhd menerima inbois daripada Cekap Tax Services Sdn Bhd (ejen cukai yang diluluskan di bawah ACP) atas perkhidmatan pemfailan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi tahun taksiran 2015 berjumlah RM1,500. Bayaran telah dijelaskan pada 1/1/2017.

Layanan cukai:

Syarikat Anggun Sdn Bhd tidak layak menuntut potongan yuran pemfailan BNCP tahun taksiran 2015 berjumlah RM1,500 walaupun bayaran dilakukan dalam tempoh asas tahun taksiran 2017. Ini selaras dengan peruntukan subperenggan 2(1)(b)(i) KKCP di mana tuntutan yang layak diberi potongan hanya perbelanjaan yuran pemfailan cukai BNCP bagi tahun taksiran 2016 dan seterusnya.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

8 Februari 2017

s.k. LHDN.01/35/(S)/42/51/286-48